

**BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI****SPM2004/A/S1**

(a) Masalah ekonomi wujud disebabkan oleh ketidakseimbangan antara kehendak manusia dengan sumber ekonomi.

Kehendak manusia adalah tidak terhad manakala sumber ekonomi adalah terhad. Masalah asas ekonomi terbahagi kepada empat iaitu:

- Apakah barang yang hendak dikeluarkan – ia merujuk kepada jenis keluaran oleh sebuah firma.
- Berapa banyakkah barang itu perlu dikeluarkan – iaitu jumlah keluaran sesuatu barang.
- Bagaimakah barang itu hendak dikeluarkan – iaitu pemilihan kaedah pengeluaran sama ada intensif buruh atau intensif modal.
- Untuk siapa barang itu dikeluarkan berdasarkan agihan pendapatan.

**(b) Berapa banyak barang yang hendak dikeluarkan**

- Berdasarkan mekanisme harga dalam pasaran yang adil dan saksama, bilangan umat Islam dalam pasaran yang memerlukan keluaran tersebut akan diambil kira.
- Ia seharusnya tidak mengganggu pengeluaran barang lain dan tidak menjelaskan kepentingan pengguna.

**Bagaimakah barang itu dikeluarkan**

- Berdasarkan kaedah yang lebih cekap sama ada intensif buruh atau intensif modal yang mana lebih menguntungkan.
- Kaedah yang digunakan harus tidak menjelaskan kepentingan awam, tidak membawa kesan negative kepada alam sekitar seperti pencemaran udara.

**Untuk siapa barang dikeluarkan**

- Untuk sesiapa yang mampu membayar harga keluaran itu. Ibu rumah yang menerima ganjaran seperti upah, faedah dan sewa akan berbelanja membeli barang tersebut.
- Oleh kerana keluaran tersebut berimejkan Islam, maka pengguna yang dijangka ialah umat Islam.

**SPM2005/A/S1**

(a) Kerajaan menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan (hasil kerajaan) berbanding dengan projek pembangunan yang ingin dilaksanakan. Sumber kewangan kerajaan seperti hasil cukai dan hasil lain adalah terhad. Oleh itu, ia hanya boleh dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan dengan peruntukan kewangan yang terhad.

Dalam contoh yang dinyatakan, kerajaan telah memilih untuk melaksanakan projek pembangunan luar bandar dan menangguhkan projek pembinaan landasan kereta api berkembar kerana ia dapat memaksimumkan kebajikan masyarakat.

Dengan itu, wujudlah kos lepas iaitu projek kedua terpenting yang terpaksa dilepaskan kerana memilih pilihan utama. Kos lepas menjalankan projek pembangunan luar bandar ialah projek pembinaan landasan kereta api.

(b) Balai polis dalam Gambar 1 ialah barang awam. Ia boleh digunakan oleh semua orang, biasanya disediakan oleh kerajaan dan tiada orang dapat menghalang orang lain daripada menggunakaninya.

Syarikat keselamatan dalam Gambar 2 ialah barang ekonomi. Penawarannya terhad, seseorang perlu membayar untuk mendapatkannya dan wujud kos lepas untuk menggunakaninya.

(c)

(i) Negara A – sistem ekonomi kapitalis, Negara B – sistem ekonomi perancangan pusat

(ii) Perbezaan antara sistem ekonomi Negara A dan Negara B :

Ciri-ciri	Negara A	Negara B
Pemilikan Faktor	Pihak swasta bebas memiliki dan menggunakan faktor pengeluaran	Pihak kerajaan mengawal dan memiliki semua sumber keluaran
Keputusan ekonomi	Keputusan ekonomi ditentukan oleh mekanisme harga (pengeluar dan pengguna)	Semua keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan.
Pilihan	Individu dalam pasaran bebas membuat sebarang pilihan	Kerajaan menentukan apa, berapa, dan bagaimana mengeluarkan barang
Motif	Tujuan pengeluaran ialah mencari keuntungan	Tiada motif keuntungan dalam aktiviti pengeluaran
Persaingan	Wujud persaingan antara pengeluar dengan pengeluar lain.	Tiada persaingan antara pengeluar.

**SPM2006/A/S1**

(a)

(i) Motif

- Motif utama pengeluar ialah untuk mendapat keredhaan Allah dan bertujuan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.
- Tidak bergantung kepada keuntungan semata-mata dan bebas menerima keuntungan dan memiliki kekayaan asalkan tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang Islam.
- Lebih mengutamakan kebajikan sosial dan mementingkan konsep ibadah.
- Barang yang dikeluarkan haruslah berkualiti dan halal. Ia juga mestilah memberi faedah kepada masyarakat dan harganya berpatutan.

(ii) Pemilikan sumber

- Semua faktor pengeluaran adalah hak milik mutlak Allah.
- Manusia hanya memegang amanah
- Individu dan pengeluar bebas mencari dan mengumpulkan kekayaan selaras dengan hukum Islam, tidak melakukan kerosakan dan menjasaskan kepentingan masyarakat.
- Sumber harus digunakan dengan cekap tidak bertentangan dengan hukum syarak tanpa melakukan pembaziran dan penindasan.

(iii) Pembuat keputusan

- Sebarang keputusan dalam ekonomi berdasarkan prinsip dan hukum Islam.
- Pengguna bebas membuat pilihan dan memiliki barang dan perkhidmatan.
- Pengeluar bebas bersaing untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
- Kerajaan bertanggungjawab memastikan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat terjamin. Kerajaan akan bertindak mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak disediakan oleh pihak swasta.

**(b) Kekurangan**

- Syarikat XY Sdn Bhd menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran seperti buruh, tanah, dan modal berbanding dengan dua jenis barang iaitu tayar dan cermin kereta yang hendak dikeluarkan.

**Pilihan**

- Syarikat XY Sdn Bhd terpaksa membuat pilihan terhadap barang yang ingin dikeluarkan. Untuk memaksimumkan keuntungan, Syarikat XY Sdn Bhd terpaksa memilih sama ada untuk mengeluarkan tayar atau cermin kereta.

**Kos lepas**

- Syarikat XY Sdn Bhd menghadapi kos lepas apabila terpaksa membuat pilihan. Jika Syarikat XY Sdn Bhd memilih untuk mengeluarkan tayar, maka kos lepasnya ialah mengeluarkan cermin kereta.

**SPM2007/A/S1****(a) Kekurangan**

- Isi rumah/individu mengalami masalah kekurangan pendapatan berbanding kehendak yang tidak terhad. Isi rumah tidak dapat memenuhi semua kehendaknya.
- Bapa tidak dapat memenuhi semua kehendak anaknya iaitu anak patung dan jam tangan.

**Pilihan**

- Isi rumah/ anak perlu memilih barang yang diingini. Anak perlu memilih antara anak patung atau jam tangan.
- Tujuannya adalah memaksimakan kepuasan.

**Kos lepas**

- Isi rumah menghadapi kos lepas apabila membuat pilihan.
- Kos lepas ialah pilihan kedua terbaik yang dilepaskan untuk suatu barang yang dibeli.
- Kos lepas yang dibuat oleh isi rumah/Siti ialah jam tangan.

**(b)****(i) Barang ekonomi****(ii) Ciri barang ekonomi**

- Barang ini dikeluarkan oleh pihak swasta
- Penawaran barang ini adalah terhad
- Barang ini mempunyai kos lepas. Pengguna perlu melepaskan penggunaan barang lain untuk mendapatkan barang ini.
- Barang ini mempunyai harga dan perlu dibayar oleh pengguna. Individu boleh dikecualikan daripada menggunakan.
- Contoh barang ekonomi – makanan, pakaian dan rumah.

(c)

(i) Sistem ekonomi campuran

(ii) **Pemilikan Faktor Pengeluaran**

- Faktor pengeluaran bebas dimiliki oleh individu dan sektor swasta. Kerajaan juga memiliki sesetengah faktor pengeluaran untuk menjaga kepentingan rakyat. Kerajaan akan mengawal pemilikan sumber ekonomi melalui undang-undang yang telah ditetapkan.

**Pembuat keputusan ekonomi**

- Individu dan sektor swasta bebas membuat keputusan ekonomi tentang apa, berapa, bagaimana, dan untuk siapa barang dikeluarkan. Kerajaan akan mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta.

**Pilihan**

- Individu bebas membuat pilihan terhadap barang dan perkhidmatan tetapi penggunaan sesetengah barang dikawal oleh kerajaan.

**Persaingan**

- Persaingan wujud antara firma swasta tetapi dalam pengeluaran barang awam tidak wujud persaingan.

**Motif**

- Motif firma swasta ialah memaksimumkan keuntungan manakala motif kerajaan ialah menjaga kebajikan masyarakat. Pengguna pula akan mencuba memaksimumkan kepuasan.

## (d) Perbezaan Sistem Ekonomi Kapitalis dengan Sistem Ekonomi Perancangan Pusat

<b>Masalah ekonomi</b>	<b>Kapitalis</b>	<b>Perancangan pusat</b>
Apa yang hendak dikeluarkan	Ditentukan oleh permintaan pasaran dan mekanisme harga	Ditentukan oleh kerajaan
Bagaimana hendak dikeluarkan	Kaedah yang paling cekap supaya mendatangkan untung maksimum	Intensif buruh jika pengangguran tinggi, intensif modal jika modal banyak.
Untuk siapa dikeluarkan	Mengikut kuasa beli dan agihan pendapatan	Ditetapkan oleh kerajaan.

**SPM2008/A/S1**(a) **Tanah**

- Merupakan alam semula jadi yang dianugerahkan tuhan.
- Penawarannya adalah terhad
- Menerima sewa sebagai ganjaran
- Tanah terbahagi kepada sumber yang dapat diperbaharui dan sumber yang tidak dapat diperbaharui

**Buruh**

- Tenaga fizikal atau mental yang disumbangkan oleh manusia.
- Terdiri daripada buruh mahir dan tidak mahir
- Ganjaran bagi buruh ialah upah
- Boleh berpindah dari satu tempat ke tempat lain

**Modal**

- Terdiri daripada wang/mesin/alatan/ lain-lain input yang digunakan dalam proses pengeluaran/mempercepatkan proses pengeluaran.
- Menerima faedah sebagai ganjaran

**Usahawan**

- Individu yang menggabungkan sumber ekonomi/faktor pengeluaran untuk menghasilkan output.
- Usahawan sanggup menanggung risiko yang tidak boleh diinsuranskan.
- Ganjaran bagi usahawan ialah untung.

(b)

- (i) Barang ekonomi – Klinik swasta, Barang awam – Hospital kerajaan
- (ii) Setuju kerana individu/Puan Hajar mampu bayar

ATAU

Tidak setuju kerana

- Hospital kerajaan tidak mengenakan bayaran/bayaran yang dikenakan adalah minima (rendah) manakala klinik swasta mengenakan bayaran tinggi.
- Tiada pengecualian penggunaan perkhidmatan di hospital kerajaan manakala wujud pengecualian penggunaan perkhidmatan di klinik swasta – hanya individu yang mampu membayar lebih mampu menggunakan perkhidmatannya.

(c) Masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan ialah

**Berapa banyak yang hendak dikeluarkan**

- Ditentukan melalui permintaan dan mekanisme harga dalam pasaran.
- Pengeluar akan mengeluarkan barang yang diminta oleh pengguna.

**Untuk siapa hendak dikeluarkan**

- Mengikut agihan pendapatan dan kuasa beli pengguna.
- Golongan kaya mampu membeli lebih banyak barang berbanding golongan yang miskin

(d)

- (i) Negara X – sistem ekonomi kapitalis, Negara Z – sistem ekonomi campuran

(ii) Perbezaan ciri sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut.

Ciri-ciri	Negara X (Sistem Ekonomi Kapitalis)	Negara Z (Sistem Ekonomi Campuran)
Milikan sumber	Faktor pengeluaran seperti tanah, buruh dan modal bebas dimiliki oleh individu dan swasta	Faktor pengeluaran seperti tanah, modal dan buruh bebas dimiliki oleh individu, swasta dan kerajaan.
Penentu harga	Harga barang-barang ditentukan oleh mekanisme harga/pasaran/permintaan dan penawaran	Harga barang awam ditentukan oleh kerajaan manakala harga barang swasta ditentukan oleh mekanisme harga/pasaran/permintaan dan penawaran
Persaingan	Persaingan bebas wujud dalam pasaran	Persaingan wujud antara firma swasta tetapi dalam pengeluaran barang awam tidak wujud persaingan.
Pembuat keputusan	Diselesaikan oleh mekanisme harga/pasaran/ permintaan dan penawaran dalam membuat keputusan ekonomi	Individu/sektor swasta/ mekanisme harga/ pasaran dalam membuat keputusan ekonomi. Kerajaan membuat keputusan berdasarkan kebijakan rakyat.
Pilihan	Individu dan sektor swasta bebas membuat pilihan barang dan menentukan aktiviti ekonomi	Individu bebas membuat pilihan terhadap barang dan perkhidmatan tetapi kerajaan mengawal kebebasan melalui undang-undang.
Motif	Firma memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos.	Swasta ingin memaksimumkan untung; kerajaan memaksimumkan kebijakan rakyat.